

# SAHABAT-SAHABAT NABI YANG TERBILANG

Pada kali ini kita sajikan riwayat hidup sahabat nabi yang terbilang Saidina Abdullah bin Mas'ud radiyallahu anh. Seorang jaguh Islam dan penghafaz kitab Allah yang terkemuka yang telah menampungnya daripada mulut Rasulullah salallah alaihi wa salam. Ia telah berhijrah ke negeri Habsyi kemudian ke Madinah dan telah merempuh semua medan perang bersama-sama Nabi dan ialah juga yang elah mengerat kepala Abu Jahal setelah Abu Jahal jatuh tersungkur di medan perang Badar menerima tetak pedang dua orang anak Ansar.

## ABDULLAH BIN MAS'UD

Tentang bagaimana rapat dan dampingnya Ibn Mas'ud dengan Rasulullah salallah alaihi wa salam telah ditulis oleh Al-Alamah Al-'Ini di dalam kitab Syarah Al-Bukhari katanya: "Rasulullah (SAW) telah menetapkan Ibn Mas'ud dengan beberapa perkara: Ia menjadi tempat rahsia baginda selain daripada menjadi pelayannya yang menyediakan air sembahyang, kayu sugi, kasut dan tongkat baginda."

Semenjak berhijrah ke Madinah Ibn Mas'ud tidak renggang dari sisi baginda baik ketika baginda keluar belayar atau ketika baginda tinggal menetap di Madinah. Ia sangat-sangat dikasihi oleh baginda dan telah berpesan supaya orang ramai mengasihinya.

Pada suatu hari sahabat-sahabat telah terpandang Ibnu Mas'ud memanjat pokok. Mereka pun tergelak-gelak memandang betisnya terlalu kecil. Mendengarkan peristiwa itu Nabi bersabda:

"Pada hari Kiamat kedua-dua betisnya yang kecil itu adalah beratnya di dalam neraca lebih daripada gunung Uhud" (maksudnya: Amal baik Ibn Mas'ud lebih berat daripada gunung Uhud – p.)

At-Tirmizi pula meriwayatkan daripada Huzaifah bahawa beberapa orang telah berkata kepadanya: "Tunjukkanlah kepada kami siapakah orangnya yang lebih hamper kepada nabi tentang fil perangai yang menjadi pertunjuk, supaya kami berjumpa dia dan mengambil serta mendengar ajaran-ajarannya."

Orang yang sehampir-hampirnya dengan Rasulullah (SAW) tentang fil perangai dan budi pekerti yang patut dijadikan contoh

tauladan ialah Ibn Mas'ud, sungguhnya sahabat-sahabat Nabi telah mengetahui bahasa "Ibn Ummu Ghabad" (Ibn Mas'ud – p) ialah sehampir-hampir orang di antara mereka di sisi Allah Taala."

Jawab Huzaifah.

Kelebihan Ibn Mas'ud dalam medan ilmu pengetahuan sebenarnya telah menjadikan dia seorang daripada penyair-penyair Islam yang terkemuka di dunia yang telah meninggalkan bagi alam manusia pusaka yang kekal abadi selain daripada undang-undang dan siasah yang adil dan sesuai untuk tiap-tiap tempat dan tiap-tiap zaman. Sehinggakan meminta fata dan bertanyakan usul-usul agama.

## Gagah Berani

Walaupun Ibn Mas'ud seorang yang bertubuh kecil tetapi ia sebenarnya berhati berani dan gagah perkasa. Kehandalannya yang jemerlang adalah menghiasi sejarah perjuangan Islam. Terutama di medan pertempuran "Badar" yang berriwayat itu.

Pada suatu hari Rasulullah salallah alaihi wa salam telah bertanya sahabat-sahabatnya, sabdanya: "Aku telah diperintahkan membaca Quran kepada kumpulan jin malam ini. Maka siapakah orangnya di antara kamu hendak mengikut bersama?". Walaupun tiga baginda mengulang sabdanya tetapi semua sahabat-sahabatnya yang hadir telah tunduk mendiamkan diri melainkan Ibn Mas'ud radiallahu anhu yang telah mengaku sanggup dan bersedia hendak mengikut baginda.

Peristiwa Nabi pergi membaca Quran kepada kumpulan

jin telah diceritakan oleh Ibn Mas'ud katanya: "Tidak ada seorang lain daripada saya yang telah menghadiri malam itu. Saya bersama-sama Rasulullah pun pergilah sehingga tiba di suatu lembah di Mekah bernama "Syaib Al-Hujun." Baginda pun mengurisi suatu garisan lalu bersabda: Janganlah engkau keluar daripada garisan ini sehingga aku aku balik mendapatkan engkau. Nabi pun membaca Quran pada ketika itu saya mendengar suara kumpulan jin riuh rendah bunyinya sehingga saya kecemasan jangan-jangan Rasulullah bertemu bahaya. Sebentar lagi saya lihat baginda dikerumuni oleh kumpulan hitam hingga terlindung baginda daripada pemandangan saya dan suaranya tidak kedengaran lagi. Sejurus kemudian bahanulah mereka berpecah-pecah seperti kumpulan awan bertompok-tompok lalu hilang dan Nabi pun balik semula ke tempat saya."

Ibn Mas'ud menyambung lagi: "Nabi pun bertanya kepada saya: "Adakah engkau melihat apa-apa?"

"Ada – jawab saya – saya melihat kumpulan orang ramai yang hitam legam berpakaian putih."

Mendengarkan jawab saya itu maka Nabi bersabda lagi:  
Mereka itu kumpulan jin Nasibin."

Setelah Nabi wafat dan orang-orang Islam makin bertambah meluaskan negeri-negeri Islam maka Ibn Mas'ud telah keluar berperang di negeri Syam lalu tinggal di wilayah "Humuz". Tidak berapa antaranya Saidina Umar pun memilihnya lalu dihantarkan ke wilayah "Kufah" dan disuruhnya orang ramai mempelajari hukum-hukum Islam kepadanya.

Tatkala Ibn Mas'ud dihantarkan ke Kufah menjadi guru agama dan Ammar bin Yassir menjadi pesuruhjaya wilayah itu maka Saidina Umar berkata: "Kedua-duanya daripada orang-orang yang bijaksana maka berpandulah kamu dengan keduanya."

Saidina Ali pula berkata: "Sekiranya aku melantik seorang menjadi ketua dengan tidak payah meminta fikiran ramai, nescaya aku akan melantik Ibn Ummu 'Abd." Yakni Abdullah bin Mas'ud.

### Qari yang Terbilang

Kemasyhuran Ibn Mas'ud sebagai seorang penghafaz dan qari Quran yang terbilang telah dijelaskan oleh Masruq sebagaimana yang tersebut di dalam kitab Sahih Al-Bukhari: "Tatkala orang menyebut nama Abdullah bin Mas'ud kepada Abdullah bin Umar, maka Ibn Umar berkata: Dia itu tetap saya kasih akan dia semenjak saya mendengar Rasulullah salallah alaihi wa salam bersabda: "Pelajarilah membaca Quran daripada empat orang: Daripada Abdullah bin Mas'ud...." sehingga akhir hadis dengan itu nyatalah bahawa baginda telah memulakan namanya terlebih dahulu daripada rakan-rakannya yang berempat itu.

Meskipun Zaid bin Tsabit seorang qari yang terbilang tetapi Ibn Mas'ud tetap mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Suatu peristiwa berkenaan membaca Quran di hadapan Nabi telah diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud katanya:

"Rasulullah salallah alaihi wa salam telah menyuruh saya mendengarkannya bacaan Quran. Saya pun berkata: Bagaimana saya hendak mendengarkan bacaan Quran, padahal kepada junjungan Al-Quran telah diturunkan?"

"Aku ingin mendengarnya daripada orang lain." Jawab baginda. Saya pun membacakan Surah An-Nisa sehingga sampai kepada ayat "Fakajfa idza jma min kulli ummat bi shahid wa jikna bika 'ala haulai shahida."

Ertinya: "Maka betapa halnya orang-orang kufar itu jika kami utus seorang Nabi kepada tiap-tiap umat menjadi saksi (atas kesesatan mereka), dan kami utus engkau hai Muhammad sebagai saksi atas mereka itu." (Yakni menjadi saksi "atas kebenaran Nabi-nabi" itu. Kata riwayat lain: "Atas orang-orang kafir" itu, lain riwayat pula berkata; "Atas orang-orang yang beriman." – p.)

"Mendengarkan ayat yang tersebut maka Nabi bersabda: "Sudah cukup." saya lihat mata baginda bergenang dengan air mata lalu bersabda lagi:

(sambungan pada muka 12)

---

## HIDUP TIADA TUJUAN

(oleh Pencinta Qalam)

---

Sakitlah hidup tiada tujuan

Sekejap begitu sekejap begini

Sayogialah ingat wahai saudara

Adapun hati yang ada kemauan

Tiada tentu itu dan ini

Dalam kehendak sebarang perkara

Adapun akal tiada ketentuan

Hendak dicuba hendak buat bini

Tetapkan tujuan kira bicara

Pergi balik nafsu berlawan.

Pada hal bacul tiada berani

Bismillah kita berlangkah mara.

Hidup pun lagha tak tentu hala

Jika sudah bacul penakut

Pembesar pemimpin itulah utama

Seolah-olahnya kedatangan bala

Ramai sahaja serba mengikut

Pimpin dan pandu bekerjasama

Nafsu sentiasa maharajalela

Di tepi kenting ibarat melukut

Berjalan dibawah naungan agama

Seperti orang hendakkan gila.

Sentasalah kalah terbalik kut.

Berserah kepada Tuhan Alima.

Angan-angan tinggi fikiran lara

Kalau sudah terkena badi

Inna ad-din 'ind Allah al-Islam

Tidak tentu kira bicara

Bacul penakut menjadi-jadi

Tujuannya cemerlang tak pernah kelam

Sebarang kerja dibuat sementara

Walaupun pandai, ilmu tak jadi

Quran dan Hadis renung dan salam

Laksana orang menggenggam bara.

Kononnya merdeka sebenarnya abdi.

Untuk panduan ayyuhal ghulam.

Maklum bara pegang-pegang lepas

Demikianlah hidup tiada tujuan

Iaitulah tujuan umat Muhammad

Jadilah kerja banyak melepas

Ibarat perahu tak tentu haluan

Sentiasa berharap syafaat dan rahmat

Segala kesulitan tak dapat dikupas

Biar melangit ilmu pengetahuan

Jika selagi kufurkan nikmat

Akhirnya mengeluh memain nafas.

Mudah sahaja terkena tawan.

Sampai bila tidakkan selamat.

(sambungan dari muka 11)

“Man surah an yaqra al-Quran an ghadha kama nazalla falyaqrauh  
garakta ibn ummu Abd.” (Barangsiaapa gemar hendar membaca Quran  
lemah lembut dan jelas sebagaimana telah diturunkan maka hendalah  
ia membacanya seperti bacaan Ibn Ummu Abd.” Yakni Saidina  
Abdullah bin Mas’ud radiyallah anhu.

Ibn Mas’ud sangat masyur berkenaan tajwid dan sentiasa  
menyruh orang ramai memperlok Quran dengan hukum-hukum  
tajwid. Ia juga sentiasa berpesan “janganlah kamu membaca  
Quran dengan cara memanjangkan kalimah-kalimahnya dengan gaya ayang  
melampaui batas dan janganlah dipendekkan sehingga  
terputus-putus bunyinya, tetapi fikirkanlah dengan tenang pada tiap-tiap

kali kamu membaca ayat-ayat yang menceritakan kejadian-kejadian alam  
yang menakjubkan, dan hidupkanlah hati dengannya. Janganlah  
cita-cita seorang kamu hanya bertumpu kepada akhir “surah  
sahaja”. Yakni jangan terburu-buru hendak menghabiskan  
surah itu pada hal cara yang demikian tidak ada pada faedahnya dan  
tidak ada suatu panduan yang akan didapat orang-orang yang tidak  
mengetahui bahasa Arab sayogialah mentelaah kitab-kitab tafsir  
untuk menutupi kerugian mereka yang tidak terhitung  
itu.

Sekianlah mudah mudahan sikap dan fil perangai Ibn  
Mas’ud dan nasihatnya tentang cara membaca Quran akan menjadi  
panduan kepada orang-orang Islam kita umumnya. – Ain. Ba.